# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 8 JUN 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br><br>4.<br><br>5.<br>6.<br><br>7.<br><br>8.<br><br>9. | HARGA BERAS TEMPATAN DIJAMIN KEKAL: MENTERI, LOKAL, HM -16<br>TIADA LAGI SUBSIDI AYAM DAN TELUR PADA 1 JUALI: MAT SABU, AGENDA DAILY -ONLINE<br>CHICKEN, EGG PRICES TO BE FLOATED FROM JULY 1, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE<br>WAITING FOR MINISTRY'S GOOD NEWS ON EXPORTS OF FRESH DURIANS TO CHINA, NATION, CHINA PRESS -A3<br>THERE WILL BE NO SHORTAGE OF RICE, NATION, SIN CHEW DAILY -5<br>CHAN FOONG HIN: BERNAS IMPORTS 150,000 OF RICE TO ENSURE CONTINUOUS SUPPLY, NEWS, GUANG MING DAILY -A6<br>LOCALLY PRODUCED WHITE RICE TO STAY AT RM2.60 PER KG, NEWS, TAMIL MALAR -1 & 13<br>BERNAS INCREASES RICE IMPORTS BY 150,000 TONNES AS DEMAND INCREASES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>BERNAS INCREASES RICE IMPORTS BY 150,000 TONNES TO PREVENT SUPPLY DISRUPTION, NATION, CHINA PRESS -A3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 10.<br>11. | MAT SALEH KING of SADO CHAROLIS, NEGERI PERLIS, SH -24<br>ISU KEKURANGAN BEKALAN DAGING TIDAK BERLAKU - JPV, DALAM NEGERI, UM -29 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 12. | 1,000 PENGUSAHA AKUAKULTUR AKTIF DI KELANTAN, KELANTAN, HARAKAH -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 13.<br><br>14. | PROLONGED HOT SPELL DELAYS PADI PLANTING, HARVESTING IN KEDAH, EVENT, THE STAR -6<br>KEDAH BERKORBAN DEMI 'KELANGSUNGAN' NEGARA, UTARA, HARAKAH -H18 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 15. | POKOK PADI BOLEH STRES AKIBAT PANAS, KEMARAU, FORUM, UM -19 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 16.<br>17. | DEMAM DURIAN BELANJA RIBUAN RINGGI, NEGARA, KOSMO 1 & 2<br>HABISKAN RM2,000 'HADIAHKAN' DURIAN KEPADA KAWAN, NEGARA, KOSMO -2 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

# Harga beras tempatan dijamin kekal: Menteri



**Kuala Lumpur:** Kerajaan memberi jaminan harga beras tempatan kekal sekitar RM2.60 sekilogram dan tidak berlaku kenaikan.

**Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu** berkata, harga beras putih yang dilaporkan naik lima peratus itu adalah merujuk kepada beras import yang berkualiti tinggi.

"Sekarang heboh mengenai beras putih naik harga lima peratus. Saya beri jaminan yang naik itu hanya harga beras import yang berkualiti tinggi iaitu untuk makanan orang kaya.

"Tetapi untuk orang awam, rakyat Malaysia, keadaan beras terjamin di sekitar RM2.60 sekilogram," katanya menjawab soalan **Vivian Wong Shir Yee (PH-Sandakan)** pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Shir Yee bertanyakan langkah diambil kementerian untuk menambah baik kedudukan Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) Malaysia dan untuk memastikan bekalan bahan makanan penting seperti telur, gula dan beras mencukupi untuk memenuhi permintaan rakyat.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, pihaknya sedang meningkatkan usaha untuk mencukupkan pengeluaran beras tempatan termasuk melaksanakan Program Smart Sawah berskala besar.

*Saya beri jaminan yang naik itu hanya harga beras import yang berkualiti tinggi iaitu untuk makanan orang kaya"*

**Mohamad Sabu**

"Memang sekarang pesawah kebanyakannya dijalankan oleh mereka yang berumur. Dengan konsep berskala besar dan penggunaan teknologi baharu, anak muda mula terbabit secara aktif misalnya di Kedah kita lihat pemandu dron semuanya anak muda dan berkelulusan universiti.

"Mereka terbabit secara aktif dalam pertanian dan kita galakkan lagi (pembabitan anak muda ini) dengan memberikan pelbagai insentif," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | AGENDA DAILY | ONLINE | |

# Tiada lagi subsidi ayam dan telur pada 1 Julai: Mat Sabu



Menteri Pertanian dan Keselamatan Makanan, Mohamad Sabu mengesahkan tiada lagi subsidi ayam dan telur bermula 1 Julai depan.

Bermula 1 Julai depan, tiada lagi subsidi ayam dan telur daripada kerajaan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Menurut jawapan di Dewan Rakyat, subsidi ayam dan telur akan berakhir pada 30 Jun dan pengapungan harga bermula pada 1 Julai.

Mohamad atau dikenali Mat Sabu memaklumkan menerusi jawapan lisan menjawab pertanyaan kepada Ahli Parlimen Masjid Tanah Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) berhubung tempoh harga ayam dan telur akan diapung.

Mohamad berkata, penamatan tersebut bagi membolehkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menilai serta mengawal harga barangan sama ada naik atau turun, berbanding harga siling runcit ketika ini.

Tambahnya, bagi memastikan bekalan ayam dan telur dapat distabilkan selepas subsidi ditamatkan, KPKM melaksanakan mekanisme "soft-landing" (pemulihan bertahap).

Beliau berkata, antara yang dilaksanakan ialah memansuhkan sekatan eksport ayam pedaging hidup kecuali "Day Old Chick" (DOC), ayam bulat, dan keratan ayam sepenuhnya serta membenarkan pengimportan ayam dan telur dari pelbagai negara sumber yang diiktiraf.

"Bagi pengimportan ayam, negara sumber yang dibenarkan termasuklah Thailand, China, Brazil, dan Denmark. Manakala bagi pengimportan telur, negara sumber yang dibenarkan ialah Thailand dan Ukraine," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan akan meneruskan program simpanan stok ayam bulat di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan program Program Jualan Agro Madani oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

"Program Jualan Agro Madani oleh Fama memasarkan pelbagai hasil pertanian termasuk telur, dengan harga 5 hingga 10% lebih rendah dari pasar basar setempat, terutamanya di kawasan kumpulan berpendapatan rendah.

"Sehingga 8 Mei 2023, sebanyak 28,078,620 biji telur telah diedarkan melalui 369 outlet FAMA," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | FREE MALAYSIA TODAY | ONLINE | |

# Chicken, egg prices to be floated from July 1




Agriculture and food security minister Mohamad Sabu said the domestic trade and cost of living ministry will control the prices of chicken and eggs.

PETALING JAYA: Agriculture and food security minister Mohamad Sabu has confirmed that the price of eggs and chicken in the market will be floated from July 1.

In a written Dewan Rakyat reply, Mohamad said government subsidies for eggs and chickens would end after June 30, adding that the domestic trade and cost of living ministry would control the price of these two items.

"To ensure the supply of chicken and eggs in the market is stable after the subsidies end, the ministry will implement several soft-landing mechanisms," he said.

This includes lifting the ban on exporting day-old chicks, whole chicken and chicken parts from July 1 and allowing the import of eggs and chicken from recognised source countries.

Source countries for importing chicken include Thailand, China, Brazil and Denmark, while eggs will only be imported from Thailand and Ukraine.

Mohamad said the ministry would continue stockpiling whole chicken under the Farmers' Organization Authority, adding that 63% of the ministry's target of 2,177 tonnes of whole chickens had been stored as of May 7.

He was replying to Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) who asked if the government had conducted a comprehensive study on the effects of this policy change.

In February, Mohamad said Putrajaya planned to float the price of eggs and chicken after June.

He had said then that subsidising chicken eggs until June would cost the government some RM1.28 billion.

The current retail price ceiling for a standard chicken is RM9.40 per kg while the price for eggs are: Grade A (45 sen per egg), Grade B (43 sen per egg) and Grade C (41 sen per egg) in the peninsula.

In Langkawi, Sabah, Sarawak and Labuan, the maximum price for both items differ, according to the respective zones and districts.

Meanwhile, Mohamad said RM347.4 billion worth of food was imported into Malaysia over the past six years, of which RM75.5 billion was imported last year alone.

Mohamad said China was the main source country for food imports, with RM41.3 billion in import value in that six-year period.

This was followed by Argentina (RM32 billion), Thailand (RM29.5 billion), India (RM26.6 billion) and Australia (RM22.5 billion).

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Waiting for ministry`s good news on exports of fresh durians to China | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 08 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 189 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,728 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,184 |





■邹宇晖（左）与陈泓谦在国会会面，齐探讨大马榴梿鲜果出口至中国问题。

# 鄒宇暉｜榴槤鮮果出口中國 等農業部捎好消息

（劳勿7日讯）行动党劳勿区国会议员邹宇晖说，他昨日与农业及粮食安全部副部长陈泓谦，深入探讨榴梿鲜果出口至中国问题，得知该部已如火如荼著手处理申请，并取得正面进展，希望很快会有好消息。

他今日发文告说，他于两周前在国会特别议会厅，向陈泓缣提出马来西亚榴梿鲜果输华问题后，市场反应和回馈都倾向支持。

“我上周到中国南宁进行商务考察时也了解到，中国消费者对大马榴梿有极大需求，因此我们需要好好抓住猫山王商机，加快鲜果榴梿出口至中国，进一步巩固马来西亚猫山王才是最好吃的盛名。”

## 關注榴槤農民困境

此外，他说，陈泓谦也关注目前榴梿农民所面对的困境，尤其是早前泰国收购商要提前割下榴梿一事，并认为劳勿猫山王品质是无法妥协的底线。

“至于榴梿果没有客观公平分类一事，他会与其团队继续探讨，如何能从宏观的政策层面保护辛勤耕种的农民。”

邹宇晖感谢陈泓谦提供的意见，并希望所有榴梿农民和业者团结一致，保护马来西亚榴梿产业发展，让果王之王继续扬名天下，独步果坛。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | There will be no shortage of rice | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 08 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 5 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 344 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,424 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,273 |





陈泓缣表示，BERNAS同意增加15万公吨的白米进口，避免供应中断。（国会直播截图）

邱培栋展示周三星洲日报封面报导，针对白米批发商担忧未来数月可能面对白米供应的问题，向农业及粮食安全部要求解答。（国会直播截图）

## 陳泓縑：BERNAS多進口15萬噸

# "白米不會斷供"

（吉隆坡7日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣今日说，国家稻米公司（BERNAS）已同意进口多15万公吨的白米，以确保大马的白米不会中断。

针对《星洲日报》封面报道，大马米粮批发商公会会长陈瑞法指白米市场失衡的情况若不及时解决，国内未来几个月内可能陷入白米荒问题，他认为这种说法不完全正确。

"因为国内稻米目前歉收，需要进口白米，但只有BERNAS才能进口白米，而根据BERNAS的记录，现在市场的需求已经超过了往年，因此经过上周的磋商之后，BERNAS已同意增加15万公吨的白米进口，避免供应中断。"

### 废除垄断须考量供应问题

他是今日在国会总结总稽查报告环节时，就行动党马六甲市区国会议员邱培栋询问白米批发商担忧未来数月可以面对白米供应问题，如是回应。

针对垄断问题，他说，政府一直都想要废除垄断，但也要考量供应稳定问题，这也是白米的特许权还延续的原因。

他也说，BERNAS达到了其关键绩效指标，该部也设立了委员会来监督BERNAS社会义务的执行情况，如果关键绩效指标不达标，当局可以采取适当的行动。

"农业部白米监管总监拿督阿兹曼最近也领导了与BERNAS管理层代表和米粮批发商的磋商，探讨市场对白米的供应问题。

"在观察到今年首4个月批发商的采购呈上升趋势后，BERNAS已同意在5月额外进口15万公吨白米。"

陈泓缣说，由丹斯里慕尤丁领导的内阁于2020年10月28日同意将BERNAS的特许经营协议再延长10年，从2021年1月11日至2031年1月10日，以履行10项社会义务。

"特许经营协议中，确实在第25条"政府终止"和第27条"由BERNAS终止"条款下，有一个取消条款（退出条款），如果实施涉及赔偿的法律影响，将受到特许协议条款的约束。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan Foong Hin: BERNAS imports 150,000t of rice to ensure continuous supply | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 08 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A6 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 158 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,819 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,458 |



## 陳泓縑：確保供應不中斷

# 國稻額外進口15萬公噸白米

（吉隆坡7日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣披露，国家稻米公司（BERNAS）已同意进口多15万公吨白米，以确保大马的白米不会中断。

他在国会总结总稽查报告环节时，就行动党马六甲市区国会议员邱培栋询问白米批发商担忧未来数月可能面对白米供应中断的问题，如是表示。

他解释，因国内白米目前欠收，需进口白米，但只有BERNAS才能进口；根据BERNAS的记录，现在市场的需求已超过往年，因此经上周磋商后，BERNAS已同意增加15万公吨的白米进口，避免供应中断。

提到垄断问题，他声称，政府一直都想要废除垄断，但也要考量供应稳定问题，这也是白米的特许权还延续的原因。

“BERNAS达到了关键绩效指标，部门也设立了委员会来监督监督BERNAS社会义务的执行情况，如果关键绩效指标不达标，当局可采取适当行动。”

陈泓缣说，农业部白米监管总监拿督阿兹曼近日也领导了与BERNAS管理层代表和米粮批发商的磋商，探讨市场对白米的供应问题。

他提及，由丹斯里慕尤丁领导的内阁于2020年10月28日同意将BERNAS的特许经营协议再延长10年，从2021年1月11日至2031年1月10日，以履行10项社会义务。

“特许经营协议中，确实在第25条“政府终止”和第27条“由BERNAS终止”条款下，有一个取消条款（退出条款），如果实施涉及赔偿的法律影响，将受到特许协议条款的约束。”（TKM）

Powered by: isentia

| Headline | Locally produced white rice to stay at RM2.60 per kg | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Tamil Malar | | |
| Date | 08 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 22,000 |
| Page No | 1,13 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 204 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,049 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,146 |



# வெள்ளை அரிசியின் விலை வெள்ளியாகவே 2.60 நீடிக்கும்

பக்கம் 13

கோலாலம்பூர், ஜூன் 8–
உள்ளூரில் தயாரிக்கப்படும் வெள்ளை அரிசியின் விலை கிலோவுக்கு 2.60 வெள்ளியாகவே தொடர்ந்து நீடித்துவரும். இறக்குமதி செய்யப்படும் வெள்ளை அரிசியின் விலை அதிகரித்தாலும் உள்ளூர் அரிசியின் விலை உயராது என்று விவசாய, உணவுப் பாதுகாப்புத்துறை அமைச்சர் முகமது சாபு தெரிவித்தார்.



| Headline | Locally produced white rice to stay at RM2.60 per kg | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Tamil Malar | | |
| Date | 08 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 22,000 |
| Page No | 1,13 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 204 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,049 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,146 |

## வெள்ளை அரிசியின் விலை...

இறக்குமதி செய்யப்படும் அரிசி வகைகளின் விலைகள் ஐந்து விழுக்காடு வரை உயர்வு கண்டிருந்தாலும், உள்நாட்டு அரிசிக்குத் தொடர்ந்து உதவித்தொகை அளிக்கப்பட்டு அதன் விலை தொடர்ந்து நிலை நிறுத்தப்படும் என்று அவர் குறிப்பிட்டார்.

இறக்குமதி செய்யப்படும் உயர்தரம்வாய்ந்த அரிசியின் விலை மட்டுமே உயரும் என்று உத்தரவாதமளிக்கிறேன். ஆனால், உள்ளூரில் உற்பத்தி செய்யப்படும் அரிசியின் விலை கிலோவுக்குத் தொடர்ந்து 2.60 வெள்ளியாகவே நீடித்துவரும் என்று மக்களவையில் அவர் சொன்னார்.

உலகளாவிய உணவுப்பாதுகாப்புக் குறியீட்டில் மலேசியாவின் நிலையை உயர்த்த அரசாங்கம் என்ன நடவடிக்கைகளை மேற்கொண்டுள்ளது என்று பக்காத்தான் ஹராப்பானின் சண்டாக்கான் தொகுதி நாடாளுமன்ற உறுப்பினர் விவியன் வோங் கேட்ட கேள்விக்குப் பதிலளித்தபோது முகமது சாபு அத்தகவலை வெளியிட்டார்.

நூற்றுப் பதின்மூன்று நாடுகளைக் கொண்ட அந்த குறியீட்டுப் பட்டியலில் மலேசியா 41ஆவது இடத்தில் உள்ளது. ஒரு நாட்டின் உணவுப் பொருள்கள் மற்றும் உணவுப் பாதுகாப்பின் நிலை உள்ளிட்ட பல அம்சங்களைக் கருத்தில் கொண்டு அதன் குறியீடு தீர்மானிக்கப்படுகிறது.

உலகளாவிய வகையில் குறிப்பாக தாய்லாந்து, வியட்னாம் போன்ற தென்கிழக்காசியாவின் பிரதான அரிசி உற்பத்தி நாடுகளில் அரிசி விலை அதிகரித்துள்ளது என்பது குறிப்பிடத்தக்கதாகும். அண்மைய காலமாக, அரிசி விலைகள் உயர்ந்து வருவது கவலையளிப்பதாக உள்ளது என்று ரோம் நகரைத் தளமாகக் கொண்ட ஐநா உணவு மற்றும் விவசாய அமைப்பு தெரிவித்துள்ளது.

Powered by: isentia

| Headline | Bernas increases rice imports by 150,000 tonnes as demand increases | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 08 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 94 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 712 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,136 |



## 国家稻米：需求增加

# 允增15万公吨进口稻米

（吉隆坡7日讯）国家稻米公司（BERNAS）同意增加15万公吨进口稻米，以确保国内稻米供应不会出现短缺现象。

农业及粮食安全部副部长陈泓缣表示，该部上周与国家稻米公司进行会议后，作出上述决定，主要是发现市场需求相比去年有所增加。

“政府经常与国家稻米公司开会，确保该行业的问题可获迅速处理。”他强调，有关中文媒体报道国内可能出现稻米供应短缺的信息不正确。

“实际情况是，零售商需要更多进口稻米，惟，这需要通过国家稻米公司来进口。”

他今天在国会下议院就2021年总审计司报告的辩论陈词时，回答希盟马六甲市国会议员邱培栋询及政府将采取什么行动，以确保当前稻米供应充足时，这么说。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bernas increases rice imports by 150,000 tonnes to prevent supply disruption | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 08 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 104 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,051 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,154 |




## BERNAS確保供應

# 增15萬公噸進口米

（吉隆坡7日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓谦说，国家稻米公司（BERNAS）已同意增加进口15万公吨的白米，以确保国内白米供应不会中断。

“国内白米目前歉收，需要进口白米，但只有BERNAS才能进口白米。

“而据BERNAS的记录，现在的市场需求已超过往年，因此经过上周的磋商后，BERNAS已同意增加15万公吨的白米进口，避免供应中断。”

他今日在国会总结总审计司报告辩论环节，如是回答行动党马六甲市区国会议员邱培栋，有关如何确保国内白米供应充足的问题。



■陈泓谦

他认为，有关报导称“白米市场失衡的情况若不及时解决，国内未来几个月内或将陷入白米荒”的说法，不太正确。

此外，邱培栋也提及BERNAS

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI PERLIS | 24 |



Kharul Anuar bersama replika cek dan piala yang dimenanginya pada Himpunan Lembu Sado Utara 2.0.



Khairul Anuar bersama Mat Salleh yang dipelihara sejak ia dilahirkan empat tahun lalu di ladang ternakannya di Jalan Kem Rimba Mas, Padang Besar.

Lembu seberat 1,009kg itu muncul juara keseluruhan Himpunan Lembu Sado Utara 2.0

# Mat Salleh King Of Sado Charolis

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
**PADANG BESAR**

Seekor lembu jantan baka Charolis seberat 1,009 kilogram muncul juara keseluruhan Himpunan Lembu Sado Utara 2.0 yang diadakan baru-baru ini.

Pemilik lembu berkenaan, Mohd Khairul Anuar Mohd Nawi, 36, berkata, lembu kesayangannya itu turut memenangi kategori King Of Sado Charolis pada pertandingan terbabit.

Katanya, lembu yang diberi nama Mat Salleh itu dijaga sejak dilahirkan di ladang ternakannya di Jalan Kem Rimba Mas di sini empat tahun lalu.

"Saya mula bawa Mat Salleh sertai pertandingan pada tahun lalu ketika Hari Peladang, Penternak, dan Nelayan Negeri Perlis, masa tu pun dia dapat juara.

"Tahun ini saya cuba nasib bawa Mat Salleh masuk peringkat Utara mewakili Perlis, tak sangka pula kali ini menang besar," katanya ketika dihubungi di sini pada Rabu.

Menurutnya, pertandingan ini bukan yang terakhir buat Mat Salleh kerana dia masih 'mengintai' peluang-peluang lain pada masa hadapan.

"Insya-ALLAH kalau ada peluang lagi, saya teringin juga nak bawa lembu kesayangan ini ke pertandingan yang lebih besar seperti di peringkat kebangsaan," katanya.

Khairul Anuar berkata, dia turut mempunyai lima ekor lagi lembu daripada baka yang sama di ladang ternakannya.

"Saya memang minat lembu jenis baka hibrid ini, mungkin akan datang nanti saya nak cari baka lain pula," katanya.

Ujarnya, terdapat juga individu yang merisik untuk membeli Mat Salleh, tetapi setakat ini belum ada tawaran yang kena dengan harga.

Dalam pertandingan terbabit, seekor lagi lembu milik Khairul Anuar iaitu Rem Rem yang berusia 11 bulan turut muncul juara bagi kategori Prince Of Sado Belgian Blue.

Selaku juara keseluruhan, Mohd Khairul membawa pulang piala dan wang tunai berjumlah RM2,500 dan RM1,000 bagi kategori Prince Of Sado Belgian Blue.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Isu kekurangan bekalan daging tidak berlaku - JPV

**PETALING JAYA:** Pengguna tidak akan berdepan dengan isu kekurangan bekalan daging biarpun hanya sembilan daripada 27 negara yang disenaraikan sebagai Abatoir dan Loji Pemprosesan Luar Negara Yang Telah Diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), yang masih diiktiraf bagi pengimportan daging ruminan.

Dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia*, jabatan itu berkata, bukan semua 27 negara yang disenaraikan itu diluluskan untuk pengimportan daging ruminan.

Buat masa ini, katanya, hanya sembilan negara yang masih diiktiraf bagi pengimportan daging ruminan iaitu Australia, Argentina, Brazil, India, Korea, Pakistan, Jepun, New Zealand dan Amerika Syarikat.

"Afrika Selatan yang dahulunya diluluskan untuk pengimportan daging ruminan ke Malaysia kini sedang dalam penggantungan dan 18 lagi negara yang diluluskan adalah untuk pengimportan sama ada babi atau produk babi; tenusu atau produk tenusu; poultry atau produk poultry; produk telur; gelatin (mentah) dan bahan mentah makanan haiwan.

"Buat masa ini, terdapat 78 rumah sembelih ruminan luar negara diperakukan daripada sembilan negara yang diluluskan untuk eksport.

"Selain itu, terdapat juga rumah sembelih JPV dan rumah sembelih swasta yang berlesen di dalam negara. Justeru, JPV menjangkakan kekurangan bekalan daging tidak akan berlaku," katanya.

JPV berkata demikian sebagai maklum balas kepada laporan *Utusan Malaysia* bertajuk 'Daging import dari 19 negara tiada perakuan JPV' bertarikh 25 Mei lepas dan 'Pantau daging import dari negara tiada perakuan JPV' bertarikh 26 Mei lalu.

Mengulas lanjut, jabatan itu berkata, tempoh minimum selama enam bulan diberi kepada rumah sembelih atau loji pemprosesan yang memohon pengiktirafan untuk mengeksport ke Malaysia, tetapi tidak berjaya.

Katanya, ia bermula daripada maklum balas pihak berkuasa veterinar negara terlibat untuk memperbaiki prestasi serta mencapai piawaian yang ditetapkan oleh Malaysia dan boleh mengemukakan permohonan semula untuk pertimbangan JPV.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | HARAKAH | KELANTAN | 12 |

# 1,000 pengusaha akuakultur aktif di Kelantan

**PASIR PUTEH:** Jumlah pengusaha akuakultur aktif di Kelantan sekarang seramai 1,000 orang dengan keluasan kawasan ternakan 78 hektar.

Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob berkata, berdasar rekod Jabatan Perikanan Negeri sejumlah 54,691.68 tan metrik hasil ternakan akuakultur pada tahun 2010 hingga 2021.

Katanya pengeluaran tertinggi pada tahun 2019 dengan 6,449 tan metrik, manakala pengeluaran pada 2021 ialah 6,018 tan metrik dengan nilai RM48.8 juta.

"Aktiviti tersebut sangat penting dalam usaha menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara," katanya ketika merasmikan Karnival Usahawan myAgropreneur Perikanan (myAP) & myKomuniti Perikanan Zon Timur 2023 di di Tok Bali Selasa lepas.

Seramai 19 usahawan terlibat pada karnival terbabit, di mana 17 daripadanya usahawan tempatan, manakala masing-masing seorang dari Terengganu dan Pahang.



Menteri Besar menyampaikan replika cek sumbangan bantuan input akuakultur kepada penternak ikan.

Menteri Besar juga berkata, kerajaan negeri meluluskan beberapa peruntukan bagi membantu penternak dan pengusaha-pengusaha sektor perikanan.

Katanya sebanyak RM52,950 bagi bantuan input perikanan akan diagih kepada 284 nelayan Pantai di Tumpat, Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh.

Selain itu bantuan peralatan menangkap ikan nelayan darat bernilai RM51,617 melibatkan seramai 247 nelayan darat.

"Sebanyak RM46,300 bantuan input kepada tiga usahawan myAgropreneur Perikanan (myAP) & myKomuniti Perikanan (myKP) iaitu peralatan sokongan berupa mesin dan peralatan pemprosesan.

"RM170,695 lagi bagi bantuan input ternakan akuakultur akan diberi kepada penternak komuniti akuakultur," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | THE STAR | EVENT | 6 |

KEDAH

# Prolonged hot spell delays padi planting, harvesting in Kedah



Harvesting of padi scheduled from July to August may be delayed from August to October this year in Kedah due to the hot weather. — Photos: GC TAN/The Star



Farmer Hazman Hamid, 47, working at his padi field in Kampung Besar, Mukim Padang Hang near Gunung Keriang, Kedah.

**By LO TERN CHERN**
andylo@thestar.com.my

THE scorching weather coupled with the fasting month earlier this year has delayed *padi* planting and harvesting in Kedah.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia executive committee Abdul Rashid Yob said the first phase of *padi* planting was supposed to be from March to April, followed by the second phase from April to May and third phase from May to June.

"However, due to the hot weather which started in March, farmers have struggled to work in the fields, especially during the fasting month in April.

"Due to the challenges, the harvest scheduled from July to August may be delayed from August to October this year," he said.

Abdul Rashid said although the delay in harvesting might not affect the supply of rice in the market, farmers' income would be reduced.

"It is estimated that there will be 20% less production.

"Not just *padi*, but other crops are also affected," he said.

"*Padi* farming requires farmers to be outdoors during the day, so the hot weather is taking a toll on their health.

"Temperatures are soaring to 37 degrees Celsius.

"The Meteorological Department has predicted that the hot spell will last until September," he said.

At present, there are about 300,000 *padi* farmers in the country with about 60,000 of them based in Kedah, according to Abdul Rashid.

On water supply to the fields, he said it was still sufficient.

However, there are some *padi* fields where the water supply has been disrupted due to poorly maintained infrastructure, he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | HARAKAH | UTARA | H18 |

# Kedah berkorban demi 'kelangsungan' negara

## Tunaikan bayaran khas kepada kerajaan Kedah

Oleh **SARINA ISMAIL**




Peta kawasan di Kedah.



Jelapang padi negara.

KEDAH telah ditentukan sejak dahulu lagi sebagai sebuah negeri pertanian. Malah bukan setakat itu sahaja tetapi sebagai *'food secuarity'* khususnya beras kepada negara.

Lebih tepat lagi negeri berdaulat itu ditetapkan sebagai *'social obligation'* menunaikan kewajipan keperluan negara.

Kedah Darul Aman luasnya 942,600 hektar. 36 peratus(341,976 hektar) daripada keluasan itu merupakan hutan simpan kekal. Manakala 495, 600 hektar (tanah bermilik) dan 104,602 hektar adalah milik kerajaan.

Negeri jolokan Jelapang Padi atau *'Rice Bowl'* ini juga menyumbang kira-kira 43 peratus keperluan beras negara. Sekaligus majoriti penduduknya bekerja sebagai petani ataupun pesawah padi.

Sepertimana sering diungkapkan oleh Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, Kedah ibarat abang yang sulong (abang long). Berkorban untuk kebaikan adik-adiknya (iaitu negeri-negeri lain di Malaysia). Jadi apa salahnya, apabila adik-adik berjaya dan kaya, habuan kepada abang long tidak boleh dilupa.

Adakah aturan yang telah dilakukan sebelum ini menafikan Kedah untuk terus maju?

Atau meningkatkan pendapatan dan sekaligus mengubah taraf hidup penduduknya yang kebanyakan terdiri daripada golongan kurang berkemampuan.

Perangkaan 2022, jumlah penduduk Kedah berjumlah 2.1 juta, majoritinya Melayu beragama Islam seterusnya Cina, India dan lain-lain bangsa. Kebanyakan penduduk seperti di daeeah Padang Terap, Pendang, Sik, Kulim dan Baling menoreh getah. Di daerah Kubang Pasu dan Kota Setar bersawah padi. Segelintir di Sungai Petani, Kulim dan Alor Setar bekerja di sektor awam dan kerajaan.

Dalam masa yang sama, Kedah mempunyai kawasan industri yang mampu melonjakkan kadar pelaburan. Kulim Hi-Tech Park (KHP), SEBZ di Bukit Kayu Hitam, Sungai Petani dan Gurun yang kini semakin berkembang baik.



Kawasan tadahan air.

Kejayaan Kedah pada 2021 menarik masuk pelaburan luar sebanyak RM68.3 billion. Malah kemajuan terbaik bagi seluruh Malaysia kerana berjaya meningkat kadar pelaburan mencecah RM20 billion pada suku tahun pertama 2022.

Perkara itu antara memberi signal negeri itu mampu memecah fahaman tradisi melonjak nama dari negeri pertanian ke negeri industri.

Sungguhpun begitu, Kedah sehingga kini tetap mengekalkan sebahagiannya untuk kepentingan negara walaupun sekira dimajukan mampu membawa pulangan tinggi kepada negeri terbabit.

Justeru Sanusi pada ucapan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah, baru-baru ini menggesa agar kerajaan persekutuan segera menunaikan bayaran khas kepada Kedah mengikut jumlah yang dituntut.

Bayaran khas melibatkan RM370 juta setahun (RM200 juta - hutan simpan, RM170 juta - kawasan penanaman padi) telah dipersetujui pada Rancangan Fizikal Negara (RFN) ke 2 namun sehingga RFN ke 4, belum ditunaikan.

Jumlah berkenaan munasabah apabila dibandingkan pengorbanan Kedah. Negeri itu 'melepas' tanah miliknya untuk dibangunkan. Pampasan tidak lebih boleh diibaratkan sebagai 'ganti rugi'. Ia membolehkan pelbagai kemajuan lain dapat dilaksanakan untuk kebaikan negeri dan rakyatnya.

Sudahlah Sungai Muda terpaksa dipelihara demi kelangsungan sumber air untuk Pulau Pinang dan tidak boleh dimajukan. Maka tidak wajar andai pampasan setimpal tidak ditunaikan.

Negeri lain menyedut air Kedah membina kekayaan. Bermegah dengan cara hidup bertaraf tinggi. Konon rakyatnya juga senang dengan kemakmuran itu sehingga rakyat negeri jiran (Kedah) bekerja di negerinya.

MB Kedah juga membidas anggapan kononnya para pesawah malas apabila diajukan hasil keringat mereka tidak seberapa. Malah petani diminta mencari alternatif lain menjana pendapatan pada masa lapang.

Tetapi pada hakikatnya yang menjadi kehairanan sehingga kini mesin menimbang padi secara puratanya beratnya tidak lebih dari enam tan walaupun para pesawah berjaya mengeluarkan hasil padi yang tinggi.

Entah siapa yang salah, ku tak tahu. (boleh jadi begitu). Cadangan penanaman padi ditingkatkan ke lima kali dua tahun merupakan satu idea yang tuntas dari beliau (Sanusi) malah dapat menambah pendapatan pesawah.

Tidak mustahil dan bukan angan-angan kerana penanaman padi lima kali dua tahun telah dipraktikkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di tanah seluas 213,99 hektar.

Dalam masa yang sama, Kedah mempunyai 30,000 hektar tanah yang akan dimajukan sebagai kawasan tanam padi lima kali dua tahun dan dilaksanakan secara berperingkat.

Kedah tidak boleh terus menjadi *'sosial obligation'* (kewajipan keperluan negara) sehingga meranapkan masa depannya sendiri tanpa kemajuan membantu meningkatkan hasil untuk rakyatnya.

Kewajipan keperluan negeri itu tidak boleh terus 'dikunci' dan kerajaan persekutuan wajar membenarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dan Kedah Aetropolis dilaksanakan di negeri itu demi kelangsungan ekonomi yang lebih baik.

Miskinkah Kedah? Sedangkan sungainya banyak, tanah dan kawasan hutannya luas, sumber lain, bukit bukau, lembah dan sebagainya berpotensi menggilap kecemerlangan menjadikan *'The Greater Kedah'*.



Kawasan padi yang menghijau luas terbentang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | FORUM | 19 |

# Pokok padi boleh stres akibat panas, kemarau

SAUDARA PENGARANG,

**PERTUMBUHAN** rumpai merupakan antara ancaman dihadapi pesawah ketika musim panas yang sedang melanda negara sekarang.

Berdasarkan kebiasaan, pertumbuhan rumpai lebih cepat semasa awal penanaman pokok padi dan semakin banyak jika ia diserang penyakit akibat masalah kekeringan air di dalam sawah berikutan musim panas.

Cuaca panas akan mengundang banyak penyakit padi dan meningkatkan ancaman haiwan perosak tanaman itu seperti karah, reput tangkai dan sebagainya. Ini kerana perubahan suhu akibat musim panas akan mencetuskan keadaan yang sesuai untuk penyakit atau haiwan perosak membiak dan tersebar.

Apabila kekurangan air, ketahanan pokok padi menjadi rendah dan mudah untuk penyakit dan perosak menyerang. Pokok padi juga sensitif kepada stres akibat ketiadaan air ketika musim panas dan kemarau.

Dalam pada itu, sumber air yang semakin terhad menjejaskan produktiviti hasil padi terutama di jelapang padi yang terdedah kepada kemarau seperti di kawasan diuruskan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di Kelantan. Jumlah hujan di kawasan terbabit adalah kurang 200 milimeter (mm) sebulan.

Pada awal Mei lalu, media massa melaporkan Kada merekodkan kerugian lebih RM2.7 juta apabila hampir 30 peratus hasil padi di Kelantan merosot akibat kemarau.

Penanaman padi di Semenajung mempunyai dua musim, iaitu musim utama antara Ogos hingga Februari dan luar musim antara Mac hingga Julai.

Pada musim utama, tanaman padi mendapat air mencukupi berbanding luar musim yang berlaku kekurangan air atau kemarau sehingga menjejaskan sekuriti makanan negara.

Sebagai persiapan menghadapi musim panas yang semakin teruk akibat fenomena El Nino, kerajaan perlu membantu pesawah dengan menyediakan kemudahan pengairan yang cekap.

Kerajaan perlu membantu para pesawah dengan menyediakan sumber air bawah tanah di beberapa tempat yang penting dan mendapatkan air dari sumber alternatif lain dengan menggalakkan kajian lebih terperinci berhubung perkara itu.

Sesi perbincangan serta tindakan bersama pesawah dan agensi terlibat perlu dilakukan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan tanaman padi secara muafakat.

Pesawah boleh mendapatkan air mencukupi dengan membina kolam tadahan, takungan, sumber air bawah tanah dan sistem pam air yang sesuai.

Penambahan baja *muriate of potash* (MOP) atau *potassium* boleh dijadikan sebagai bahan untuk mengurangkan kesan kemarau pada pokok padi.

Seterusnya, pemilihan benih padi yang sesuai dan cepat matang atau singkat seperti 100 hari berbanding 120 hari kebiasaannya boleh digunakan agar pokok padi dapat melepasi peringkat pembiakan setelah tiada air seperti benih padi MR220CL2.

Penggunaan teknologi terkini pesawat tanpa pemandu (UAV) untuk pengurusan tanaman padi dapat membantu pesawah membuat keputusan tepat bagi menyelesaikan isu atau masalah berkaitan padi.

Tanaman padi perlu diberi keutamaan sebagai sekuriti makanan kerana kecukupan bekalan beras yang dihasilkan dalam negara masih tidak mencukupi, iaitu sekitar 72 peratus.

Beras berkualiti adalah hasil daripada pokok padi yang ditanam secara sistematik di kawasan tanah berkualiti dengan pengurusan efisien daripada agensi berkaitan bagi menghadapi fenomena perubahan cuaca.

**DR. ZULKARAMI BERAHIM**
Institut Pertanian Tropika & Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)



**CUACA panas akan mengundang banyak penyakit padi dan meningkatkan ancaman haiwan perosak tanaman itu seperti karah, reput tangkai dan sebagainya. – GAMBAR HIASAN**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 8/6/2023 | KOSMO | MUKA DEPAN | 1 |

# DEMAM DURIAN BELANJA RIBUAN RINGGIT

## Pelanggan tak kisah keluar kos sehingga RM20,000 asalkan dapat nikmati keenakan raja buah



**Oleh NOOR HASLIZA NUSI, NURUL IRDINA SUMALI dan SYAHRATUL AUFA SHAHARUDDIN**

**GEORGE TOWN** – Permintaan terhadap buah durian pada musim ini dianggap luar biasa sehinggakan ramai pelanggan sanggup membelanjakan ribuan ringgit semata-mata untuk merasai sendiri keenakan raja buah itu.

Malah, ada penggemar durian menghabiskan RM23,000 untuk membeli pelbagai jenis buah premium seperti musang king, duri hitam, tekka, udang merah dan D24.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 2 |

# Demam durian belanja ribuan ringgit

DARI MUKA 1

Seorang pengusaha dusun durian dikenali sebagai Brian, 36, berkata, musim durian pada tahun ini merupakan musim paling menguntungkan bagi mereka berdasarkan permintaan luar biasa daripada pelanggan.

Lebih mengejutkan katanya apabila ramai pelanggan sanggup berbelanja besar sehingga puluhan ribu ringgit semata-mata untuk membawa keluarga dan rakan-rakan menikmati pelbagai jenis durian kampung dan premium di premisnya.

"Memang ramai pelanggan yang datang dengan keluarga atau rakan sekerja dan mereka sanggup bayar RM4,000 untuk makan durian di kedai saya.

"Kebiasaannya, mereka yang berkeluarga datang beramai-ramai iaitu kira-kira 15 hingga 17 orang terdiri daripada nenek, anak-anak, cicit dan cucu serta saudara-mara.

"Kebanyakannya mencari durian premium seperti musang king dan duri hitam dan sudah pasti harga bagi buah tersebut sangat mahal," katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau menambah, premisnya juga baru-baru ini telah didatangi seorang pengurus muda berusia 27 tahun yang menempah sebanyak 100 kotak durian premium pelbagai jenis dengan harga keseluruhan berjumlah RM23,000.

"Saya agak terkejut kerana jarang pelanggan berbelanja sebanyak itu.

"Namun, inilah namanya rezeki dan 'durian runtuh' buat kami," tambahnya.



**RAMAI pelanggan mengambil peluang untuk menikmati buah durian jenis premium sekalipun harga yang ditetapkan agak mahal.**

Katanya, majoriti penggemar durian juga seperti tidak sabar untuk menikmat buah itu terutama keluaran Balik Pulau.

"Ada yang datang sekadar untuk merasa, tetapi jumlahnya tidak ramai. Majoriti yang beli di sini akan habiskan belanja sekitar RM1,000," ujarnya.

Bagi seorang lagi peniaga durian, Soong Peck Cheow, dia sangat teruja apabila ramai pelanggan dari luar Pulau Pinang memilih untuk datang sendiri ke kebunnya berbanding makan di kedai.

"Ramai bagi alasan makan di kebun durian lebih menyelerakan berbanding di kedai dan buahnya juga pasti segar.

"Bagi pelanggan jenis ini, mereka lebih berminat menikmati durian kahwin berbanding durian premium, namun jumlah yang dibelanjakan tetap melebihi RM1,000," katanya.

Di **Kuala Lumpur**, seorang peniaga durian, Shaharil Ara Alias, 38, berkata, demam durian ketika ini tidak hanya dirasai di beberapa negeri, tetapi turut menarik perhatian peminat buah itu dari Sabah dan Sarawak.

Katanya, sepanjang berniaga di Chow Kit di sini, dia kerap menerima pelanggan dari jauh seperti Terengganu, Sabah dan Sarawak yang datang ke premisnya semata-mata untuk menikmati durian.

"Chow Kit merupakan lokasi tumpuan setiap kali orang bercuti di ibu negara dan banyak juga hotel di sekitar sini.

"Jadi, ramai pelancong dari luar mengambil kesempatan untuk menikmati pelbagai jenis durian sehingga ada yang menghabiskan belanja sehingga RM2,000," ujarnya.

Beliau turut mengakui, pelancong asing termasuk dari Korea dan China turut menjadi antara pelanggan utamanya sepanjang berniaga di kawasan tumpuan itu.

"Mereka (pelancong) memang tidak berkira tentang bayaran asalkan dapat menikmati buah yang berkualiti dan sedap," tambahnya.



**DURIAN merupakan antara buah kegemaran bagi rakyat Malaysia.**

# Habiskan RM2,000 'hadiahkan' durian kepada kawan



**PENGGEMAR durian sanggup berbelanja besar asalkan dapat menikmati keenakan raja buah itu.**

**GEORGE TOWN** – Ketika orang ramai lebih selesa menghabiskan duit untuk menikmati keenakan buah durian, situasi berbeza dilakukan seorang warga emas yang tetap setia menghadiahkan raja buah itu kepada kawan-kawan rapatnya.

Chris Lee, 70, berkata, sudah menjadi tradisi buatnya untuk membelanjakan sebanyak RM1,000 hingga RM2,000 setiap bulan semata-mata untuk menjadikan durian sebagai 'hadiah' kepada orang lain.

"Saya datang dari pusat bandar ke daerah Barat Daya pada setiap hujung minggu untuk membeli pelbagai jenis durian kahwin.

"Saya akan membelanjakan RM100 hingga RM200 untuk sekali pembelian sejak awal bulan lalu dan tradisi ini akan saya teruskan sehingga musim akhir durian pada September nanti.

"Selain untuk dimakan bersama isteri, durian yang dibeli akan dijadikan sebagai hadiah atau buah tangan buat kenalan rapat, saudara terdekat dan dijamu untuk penjaga di rumah ibadat," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Jelasnya lagi, dia memang sudah menyiapkan belanja sekitar RM10,000 bagi membeli pelbagai jenis buah durian sepanjang musim ini.

Sementara itu, seorang lagi penggemar durian warga China dikenali Lily, 45, berkata, dia sebenarnya tidak kisah sekiranya wang simpan hasil titik peluh selama bekerja di negara ini digunakan untuk membeli buah kegemarannya itu.

"Selalunya, kami akan berkongsi duit dengan rakan serumah untuk membeli durian yang dipek dalam 20 bekas pada harga RM400.

"Setiap minggu, kami mesti beli durian dan biasanya akan dimakan pada sebelah malam," katanya yang telah tinggal di Malaysia sejak lapan tahun lalu.